BHG. PENTADBIRAN**

Saidi Bundan



**PENGARAH
BHG. PROMOSI
ANTARABANGSA
(ASIA TENGGARA)**

Noran Ujang





**PENGARAH
BHG. PENGIKLANAN &
DIGITAL**

Manoharan Periasamy



OPERASI DAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN

Perancangan Pengurusan Sumber Manusia





■ 20-30 tahun
 ■ 31-40 tahun
■ 41-50 tahun
 ■ 51-60 tahun



JUMLAH PENGELOLAAN PROGRAM MENGIKUT KATEGORI PENGANJUR			
Tourism Malaysia	Badan Awam	Swasta	Jumlah
123	209	150	482

JUMLAH PENYERTAAN MENGIKUT KATEGORI PENGANJUR			
Tourism Malaysia	Badan Awam	Swasta	Jumlah
3,369	774	333	4,476

Pencapaian Prestasi Sumber Manusia

Pada tahun 2018, jumlah kakitangan di Tourism Malaysia adalah 940, yang terdiri daripada 564 di ibu pejabat, 160 di pejabat serantau, 70 di pejabat luar negeri *Home-Based Staff* (HBS), dan 146 di pejabat luar negeri Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT).

Tourism Malaysia berjaya melaksanakan 109 proses termasuk pelantikan, persaraan, dan pembaharuan kontrak; 28 proses kenaikan pangkat; dan 57 proses pengesahan perkhidmatan. Di samping itu, terdapat 182 pusingan kerja untuk pegawai/kakitangan di ibu pejabat dan pejabat wilayah dan 28 pusingan kerja untuk pegawai/kakitangan di pejabat luar negeri.

JUMLAH PESARA			
Persaraan Wajib	Persaraan Pilihan	Persaraan Terbitan	Jumlah
10	4	1	15

Persaraan

Sebanyak 15 orang kakitangan Tourism Malaysia bersara pada tahun 2018. Persaraan terdiri daripada persaraan wajib, persaraan pilihan, dan persaraan terbitan. Tourism Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada di atas jasa dan sumbangan mereka kepada perkembangan organisasi.

Berdasarkan dasar semasa Kerajaan yang telah menetapkan pengisian jawatan untuk tidak melebihi kuota 90% daripada jumlah pekerjaan, sehingga Disember 2018, 94.4% jawatan di Tourism Malaysia telah diisi, iaitu melebihi 4.4% daripada kuota yang ditetapkan.

Pembangunan Modal Insan

Modal insan yang berkualiti adalah teras integriti organisasi dan merupakan elemen penting dalam mencapai misi organisasi dan perkhidmatan awam secara umum. Proses pembelajaran berterusan dalam pelbagai bidang diterapkan kepada pegawai/kakitangan Tourism Malaysia untuk meningkatkan kecekapan mereka melalui latihan, pembelajaran dan pembangunan peribadi serta nilai-nilai.

Tourism Malaysia juga menjalankan perkhidmatan kaunseling secara profesional untuk pegawai/kakitangannya untuk membentuk pembangunan insan yang sihat dari segi mental, rohaniah, emosi dan tingkahlaku yang lebih baik. Sebanyak 20 sesi kaunseling individu, 61 sesi kaunseling berkumpulan, dua sesi rundingan psikologi dan kaunseling yang melibatkan bahagian/unit di Tourism Malaysia, 3 program AKRAB, dan 30 laporan indikator perwatakan unggul telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Penghargaan Kepada Kakitangan

Seramai 68 kakitangan Tourism Malaysia telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang untuk tahun 2017 pada 10 April 2018 di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Anugerah ini adalah satu pengiktirafan kepada para pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang sepanjang tahun dan menyumbang khidmat bukan sahaja kepada organisasi tetapi juga kepada industri pelancongan secara amnya. Selain itu, 68 pegawai dan kakitangan telah dianugerahkan Sijil Anugerah Khas Pengurusan untuk 2017 dan telah diraikan pada 29 November 2018.

Program Khas: HR Update Day

HR Update Day adalah program hari bertemu pelanggan yang dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Tourism Malaysia. Tujuan utama program ini adalah untuk membolehkan para pegawai dan kakitangan menyemak rekod peribadi/perkhidmatan

di Tourism Malaysia, selain mendapatkan nasihat mengenai hal ehwal perkhidmatan yang berkaitan.

Sebagai nilai tambah, program ini turut dihadiri oleh beberapa institusi perubatan dan klinikal, Permodalan Nasional Berhad, Pusat Zakat, Amanah Raya Malaysia dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Program ini adalah kerjasama dengan Kelab Rekreasi Tourism Malaysia, Kesatuan Pekerja LPPM, dan Koperasi Kakitangan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (KOPPEMA Berhad). Pada tahun 2018, dua siri program telah berjaya dilaksanakan, yang pertama diadakan pada 12 - 14 Februari 2018 dan yang kedua pada 15 November 2018.



Siri Kedua HR Update Day diadakan di Dewan Serbaguna MOTAC



Program Aspirasi Tourism Malaysia 2018 pada 9 Februari 2018



Siri Kedua HR Update Day pada 15 November 2018

PENTADBIRAN

Kesihatan Kerja dan Keselamatan

Tourism Malaysia komited untuk melindungi aset utamanya – para pegawai dan kakitangannya - dan berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang selamat untuk semua pekerja, tidak menimbulkan risiko kepada alam sekitar, dan mematuhi perundangan, piawaian dan kod amalan yang berkaitan.

Pasukan Respons Kecemasan atau Emergency Response Team (ERT) telah ditubuhkan di bawah Akta Perundangan 514. Pasukan ini terdiri daripada kakitangan Tourism Malaysia. ERT adalah kumpulan utama yang akan bertindak terhadap situasi kebakaran di Tourism Malaysia dan menyelaras program yang berkaitan dengan keselamatan dan pencegahan kebakaran. Majlis pentauliahn untuk pelantikan anggota telah dilaksanakan pada 6 September 2018.

Pembaharuan Dasar Polisi

Utiliti, kejelasan, keringkasan dan relevan adalah ciri utama dasar polisi yang efektif. Pada 2018, Tourism Malaysia memulakan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk memastikan dasar polisi memenuhi kriteria ini sepenuhnya. SOP itu bertujuan sebagai panduan untuk diikuti oleh semua pegawai dan kakitangan Tourism Malaysia untuk memastikan ia dilakukan secara sistematik dan berstruktur berdasarkan pekelling dan arahan daripada Kementerian Luar Negeri dan Tourism Malaysia.

Di samping itu, Tourism Malaysia juga konsisten dalam menilai dasar-dasar terhadap keperluan semasa, keputusan audit dalaman dan pendedahan kepada risiko, serta mengenal pasti keperluan dasar baharu. Penambahbaikan ini perlu untuk meningkatkan nilai terbaik, memperkemas proses dan meningkatkan keberkesanan operasi secara keseluruhan.

Sokongan Inisiatif Perolehan

Tourism Malaysia menggalakkan penyertaan perniagaan dalam proses perolehan Kerajaan. Proses perolehan Tourism Malaysia menggunakan sistem dan proses elektronik untuk memudahkan pembayaran tepat masa sementara komunikasi disampaikan dalam bahasa yang jelas dan mudah untuk kemudahsampaian kepada semua. Keputusan penyertaan boleh didapati di laman web - <https://perolehan.tourism.gov.my/procurement>.



Acara dan Kesejahteraan Pekerja

Sebagai sebuah organisasi yang mengambil berat tentang kesejahteraan pegawai dan kakitangannya, Tourism Malaysia menganjurkan beberapa acara pada 2018, termasuk Majlis Jasamu Dikenang di Tenera Hotel, Bangi pada Mac 2018; Majlis Sambutan Israk Mikraj di Masjid An-Nur, Tambun, Perak; Hari Keluarga Tourism Malaysia di Lost World of Tambun pada April 2018; Program Iftar Tourism Malaysia pada Mei 2018; Anugerah Khas Pengurusan dan Persaraan Ketua Pengarah Tourism Malaysia 2018 pada November 2018. Selain itu, sepuluh lawatan kebajikan pegawai dan kakitangan yang sakit dan dimasukkan ke hospital, dan kepada keluarga kakitangan yang meninggal dunia.



Hari Keluarga Tourism Malaysia di Lost World of Tambun dari 13 ke 15 April 2018



Program Iftar Tourism Malaysia pada 31 Mei 2018



Anugerah Khas Pengurusan & Persaraan Ketua Pengarah Tourism Malaysia 2018 pada 29 November 2018



Majlis Sambutan Israk Mikraj di Masjid An-Nur, Tambun, Perak pada 13 April 2018



Majlis Jasamu Dikenang di Hotel Tenera, Bangi pada 2 Mac 2018



Pelantikan Pasukan Respons Kecemasan pada 6 September 2018

AUDIT DAN PENILAIAN LUAR

Tourism Malaysia menjalankan audit dalamannya sendiri yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit berdasarkan Perancangan Audit 2018 mengikut piawaian pengauditan yang diterima pakai.

Pada tahun 2018, juruaudit dalaman menjalankan Audit Pengurusan Kewangan di Bahagian Promosi Antarabangsa (Amerika, Eropah & Oceania) dan beberapa pejabat Tourism Malaysia Negeri dan Luar Negara, termasuk TM Sarawak, TM Sabah, TM Hong Kong, TM Taipei, TM Paris dan TM Moscow. Pemeriksaan dibuat pada Laporan Khas Pengurusan Perolehan untuk Pelancongan Pintar 4.0, sementara Audit Prestasi dibuat untuk memeriksa pengurusan kakitangan ambilan tempatan di pasaran AERO. Semua keputusan telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Di samping itu, Unit Audit Dalaman dari Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) juga menjalankan Audit Pengurusan Kewangan di pejabat Tourism Malaysia di Auckland dan Sydney. Selain itu, Tourism Malaysia juga telah dilawati oleh Jabatan Audit Negara yang menjalankan audit berikut:

- i) Audit Khas untuk menyiasat Hutang Terkumpul TM untuk 2015-2017;
- ii) Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan (AI) 2018; dan
- iii) Audit Prestasi terhadap Promosi Antarabangsa untuk meningkatkan ketibaan pelancong 2015 - 2018.

Berdasarkan hasil audit, beberapa peningkatan telah dibuat untuk memperbaiki sistem dan prosedur yang dipersoalkan. Latihan pengauditan memastikan setiap transaksi pentadbiran dan kewangan dalam Tourism Malaysia dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang melalui pendekatan yang sistematik.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit bermesyuarat hanya tiga kali pada 2018 menurut arahan Kementerian Kewangan bertarikh 7 Jun 2018 untuk menangguhkan mesyuarat Lembaga (termasuk mesyuarat Jawatankuasa Audit), yang ahlinya dilantik secara politik, sehingga pelantikan baru dimuktamadkan.

Jawatankuasa ini memberi nasihat kepada Lembaga mengenai kecukupan kawalan dalaman serta keberkesanan dan kecekapan operasi Tourism Malaysia. Ia juga diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam terma rujukannya. Ia menyemak dan menyokong rancangan audit tahunan untuk memastikan liputan audit yang mencukupi bagi operasi kritikal, ulasan penemuan, cadangan serta pelaksanaan tindakan yang timbul daripada audit dalaman dan pihak berkuasa berkaitan yang lain.

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti bertanggungjawab untuk memupuk nilai-nilai dan tadbir urus yang baik dalam Tourism Malaysia dengan menginstitusikan dan melaksanakan amalan terhormat dalam organisasi.

Semua aktiviti dijalankan dengan hasrat untuk menggalakkan pegawai dan kakitangan agar mematuhi peraturan pejabat dan mewujudkan persekitaran kerja yang penuh hormat dan profesional. Aktiviti ini termasuk perbincangan mengenai kesedaran integriti, sesi perkongsian motivasi dan maklumat, serta penguatkuasaan peraturan.

APLIKASI TEKNOLOGI

Aplikasi Mudah Alih Anugerah Pelancongan MY

Pada tahun 2018, Tourism Malaysia memperkenalkan penggunaan aplikasi mudah alih *MY Tourism Awards* di Anugerah Pelancongan Malaysia ke-20 2016/2017 yang diadakan pada 28 Februari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya.

Ini adalah kali pertama aplikasi sedemikian digunakan untuk menganjurkan acara Tourism Malaysia. Tetamu yang membuat tempahan sebelum acara menggunakan aplikasi mudah alih untuk mengimbas kod QR untuk mendaftarkan kehadiran mereka.

MY Tourism Awards juga mempunyai permainan mudah alih yang menyeronokkan yang terdiri daripada sembilan tugas mudah untuk para tetamu selesai pada acara tersebut. 200 peserta pertama yang menyelesaikan semua misi itu memenangi hadiah istimewa.

Tourism Malaysia juga melaksanakan Sistem Tempahan (RSVP) untuk majlis alu-aluan PATA Travel Mart 2018 yang diadakan pada 12 September. Sistem ini juga digunakan untuk Majlis Perpisahan

Datuk Seri Mirza Mohammad Taiyab, bekas Ketua Pengarah Tourism Malaysia, pada 30 November 2018.



Kaunter Pendaftaran



Aplikasi Mudah Alih Anugerah Pelancongan MY



Aplikasi Mudah Alih Anugerah Pelancongan MY



Gerei Aplikasi Mudah Alih Anugerah Pelancongan MY



Sesi pendaftaran tetamu Anugerah Pelancongan Malaysia 2016/2017





MAKLUMAT TAMBAHAN

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN 2018

Pada tahun 2018, Tourism Malaysia dan Malaysia terus menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan antarabangsa seperti:

- 1 Anugerah BestBrands – Anugerah Nation Branding di Anugerah BrandLaureate BestBrands 2017-2018 – pada 3 Mei 2018, Hotel Majestic, Kuala Lumpur
- 2 Anugerah Prestasi Terbaik di Taipei International Travel Fair 2018 (ITF)
- 3 Destinasi Riadah Terbaik 2018 – Destinasi Kegemaran Pelancong Tongcheng, anjuran Tongcheng Travel
- 4 Destinasi Menyelam Terbaik – Sipadan, Sabah di 2018 Anugerah Nature Travel
- 5 Anugerah Best Booth di China International Travel Mart (CITM) 2018
- 6 Anugerah Publisiti Pelancongan Terbaik di 21st Busan International Travel Fair
- 7 Destinasi Pelancongan Keluarga Terbaik 2018 sempena National Tourism Award, China
- 8 Anugerah Booth Terbaik di Shandong International Tourism Fair (SITF)

- | | | | |
|----|--|----|---|
| 9 | 10 Negara Paling Popular 2018 di sepanjang Inisiatif "Belt and Road" oleh 2018 Digital Tourism | 17 | Anugerah Organisasi Terbaik di China ASEAN Tourism Exhibition 2018 |
| 10 | Destinasi Terpilih yang Terbaik di Anugerah China Tourism | 18 | Anugerah Pavilion Terbaik di Ekspo kali ke-2 International Healthcare and Pension Industry 2018 |
| 11 | Destinasi Pelancongan Paling Menarik di Dunia 2018 di 8th Hong Kong Global City Forum | 19 | Destinasi Lawatan Keluarga Terbaik 2018 di Anugerah New Express Newspaper 2018 |
| 12 | My Favourite Social Media Award di Anugerah Pelancongan U Magazine | 20 | Anugerah NTO Cemerlang oleh Hanoi UNESCO Travel Club (HUTC) di Ulang Tahun Ke-10 Hanoi UNESCO Travel Club |
| 13 | Anugerah Organisasi Terbaik di 14th Strait Travel Fair, Xiamen | 21 | Ipoh – #3 Bandar Kopi Terbaik di Asia oleh Lonely Planet pada 18 April 2018 |
| 14 | Anugerah Paparan Booth Terbaik di Ekspo China – South Asia Ke-5 | 22 | Taiping – "100 Destinasi Lestari Terbaik 2018" oleh Green Destinations pada 21 Disember 2018 |
| 15 | Anugerah Organisasi Terbaik di Ekspo China International Tourism Industry 2018 | 23 | Kuala Lumpur – Bandar Ke-7 Paling Banyak Dikunjungi di Seluruh Dunia pada 2018 – oleh Indeks MasterCard Global Destination Cities |
| 16 | Anugerah Inovasi Terbaik sempena Ekspo China International Ocean Industry Ke-10, 2018 | 24 | Malaysia – #1 Destinasi Pilihan Pelancong Muslim oleh Mastercard-CrescentRating, Global Muslim Travel Index 2018 |

PEJABAT-PEJABAT TOURISM MALAYSIA

IBU PEJABAT TOURISM MALAYSIA

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia)

Tingkat 9, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

• Tel: 603 8891 8000 • Talian Info Pelancongan: 1 300 88 5050 (dalam Malaysia sahaja) • Faks: 603 8891 8999

E-mel: enquiries@tourism.gov.my • Laman Web: www.malaysia.travel

PEJABAT-PEJABAT WILAYAH

WILAYAH TENGAH

(Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan)

Kuala Lumpur

Level 2, MATIC New Building

109, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

T: 603 2161 0166 / 0312 / 0328 / 0348

F: 603 2161 0049

E: mtpbkl@tourism.gov.my

WILAYAH SELATAN

(Melaka, Johor)

Johor

No 50C, 1st & 2nd Floor, Bangunan KPMNJ

Jalan Segget, 80000 Johor Bahru, Johor

T: 607 222 3590 / 3591

F: 607 223 5502

E: mtpbjhb@tourism.gov.my

WILAYAH UTARA

(Perak, Penang, Kedah, Perlis)

Penang

No. 11, Lebuh Pantai

10300 George Town, Penang

T: 604 261 0058

F: 604 262 3688

E: mtpbpen@tourism.gov.my

WILAYAH PANTAI TIMUR

(Pahang, Terengganu, Kelantan)

Pahang

Lot 7 & 9, Tingkat Bawah, ICT Hub

Jalan Putra Square 4, Putra Square

25200 Kuantan, Pahang

T: 609 567 7112 / 115 / 116

F: 609 566 7114

E: mtpb.pahang@tourism.gov.my

TOURIST INFORMATION CENTRE

Sabah

B-7-2 & B-8-2, Block B

KK Times Square Signature Office

Off Coastal Highway

88100, Kota Kinabalu, Sabah

T: 6088 211 732 / 248 698 / 447 075

F: 6088 241 764

Sarawak

Parcel 297-2-1, 2nd Floor, Riverbank Suites

93100 Kuching, Sarawak

T: 6082 246 575 / 775

F: 6082 246 442

PEJABAT-PEJABAT LUAR NEGARA

AUSTRALIA

Sydney

Suite 6.01, Level 6, 151 Castlereagh Street

Sydney, NSW 2000, Australia

T: 00 61 2 9286 3055

F: 00 61 2 9283 8311

E: malaysia@malaysiatourism.com.au

W: www.tourismmalaysia.com.au

BRUNEI

Unit No 1.14 - 1.15, First Floor

The Rizqun International Hotel, Gadong BE3519

Negara Brunei Darussalam

T: 00 673 238 1575 / 1576

F: 00 673 238 1584

E: mtpb.brunei@tourism.gov.my

CHINA

Beijing

Tourism Section, Embassy of Malaysia

Room 506 - 507, Air China Plaza

No. 36, Xiaoyun Road, Chaoyang District

Beijing 100027, People's Republic of China

T: 00 86 10 8447 5056

F: 00 86 10 8447 5798

E: mtpb.beijing@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.cn

Guangzhou

Consulate General of Malaysia (Tourism Section)

Room 3216, 32nd Floor,

CITIC Plaza Office Tower

No. 233, Tian He Bei Road, Guangzhou 510610

People's Republic of China

T: 00 86 20 3877 3691 / 0303

F: 00 86 20 3877 3692

E: mtpb.guangzhou@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.cn

Shanghai

Consulate General of Malaysia (Tourism Section)

Unit 1109, Level 11, CITIC Square

1168 Nanjing Road West, Jing An District

Shanghai 200041, People's Republic of China

T: 00 86 21 5292 5252

F: 00 86 21 5292 5948

E: mtpb.shanghai@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.cn

FRANCE

Paris

29 Rue des Pyramides, 75001 Paris, France

T: 00 33 1 429 741 71

F: 00 33 1 429 741 69

E: mtpb.paris@tourism.gov.my

W: www.ontmalaisie.com

GERMANY

Frankfurt

Weissfrauenstrasse 12 - 16

D-60311, Frankfurt Am Main

Federal Republic of Germany

T: 0049 69 4609 23420

F: 0049 69 4609 23499

E: mtpbfrankfurt@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.de

HONG KONG

Ground Floor, Malaysia Building

47-50 Gloucester Road, Hong Kong

T: 00 85 2 2528 5810 / 5811

F: 00 85 2 2865 4610

E: mtpb.hongkong@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.com.hk

INDIA

Chennai

4th Floor, Vijaya Towers

No. 4, Kodambakkam High Road

Chennai 600034, Republic of India

T: 00 91 44 4506 8080

F: 00 91 44 4506 8383

E: mtpb.chennai@tourism.gov.my

W: www.malaysiajao.com

Mumbai

The Capital A- 410, Bandra Kurla Complex

Bandra (E), Mumbai 400051

Republic of India

T: 00 91 22 6741 1120 / 21 / 22

F: 00 91 22 6741 1119

E: mtpb.mumbai@tourism.gov.my

W: www.malaysiajao.com

New Delhi

D7/8, Ground & First Floor

Vasant Vihar, New Delhi 110057

India

T: 00 91 11 4601 1677 (DL) / 1674 (GL)

F: 00 91 11 4601 1676

E: mtpb.newdelhi@tourism.gov.my

W: www.malaysiajao.com

INDONESIA

Jakarta

c/o Consulate General of Malaysia

Jalan H.R. Rasuna Said, Kav.x/6

No. 1 - 3, Kuningan

Jakarta Selatan 12950

Republic of Indonesia

T: 00 62 21 522 0765 / 4947

F: 00 62 21 522 0766

E: mtpb.jakarta@tourism.gov.my

Medan

c/o Consulate General of Malaysia

43, Jalan Diponegoro, 20152 Medan

Sumatera Utara, Republic of Indonesia

T: 00 62 61 452 3192

F: 00 62 61 452 3179

E: mtpb.medan@tourism.gov.my

JAPAN

Osaka

10th Floor, Cotton Nissay Building

1-8-2 Otsubo-Honmachi, Nishi-ku

Osaka 550-0004, Japan

T: 00 81 66 444 1220

F: 00 81 66 444 1380

E: mtpb.osaka@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.or.jp

Tokyo

5F Chiyoda Building, 1-6-4 Yurakucho

Chiyoda-ku, Tokyo 100-0006, Japan

T: 00 81 33 501 8691 / 8694

F: 00 81 33 501 8692

E: mtpbtokyo@tourism.gov.my

W: www.tourismmalaysia.or.jp

KAZAKHSTAN**Almaty**

Embassy of Malaysia
Tourism and Trade Section
1st Floor, Prime Business Park
100/2, Nazarbayev Street, Medeuskiy District
050000 Almaty
T: 00 7 727 2321 430 / 431 / 439
F: 00 7 727 837 0333

KOREA**Seoul**

(2nd Hansan Bldg., Seosomun-dong)
115, Seosomun-Ro, Chung-Gu
Seoul 100-813, Republic of Korea
T: 00 82 2779 4422 / 4251
F: 00 82 2779 4254
E: mtpb.seoul@tourism.gov.my
W: www.mtpb.co.kr

NETHERLANDS**The Hague**

c/o Embassy of Malaysia
Rustenburgweg 2
2517 KE The Hague, Netherlands

Visiting Office:

Zeestraat 52, 2518 AB The Hague
Netherlands
T: 00 31 70 7622200 / 01 / 02 / 03 / 04 / 05
F: 00 31 70 799 9370
E: mail@tourism-malaysia.nl

NEW ZEALAND**Auckland**

Level 10, DLA Piper Tower
205-209, Queen Street
Auckland 1010, New Zealand
T: 00 64 9 309 6290
F: 00 64 9 309 6292
W: www.tourismmalaysia.co.nz

PHILIPPINES**Manila**

Embassy of Malaysia
Tourism Office (Tourism Malaysia)
16th Floor, Picadilly Star Building
4th Avenue, Corner 27th Street
Bonifacio Global City (BGC)
1634 Taguig City, Philippines
T: 00 632 846 2697
F: 00 632 846 1213
E: mtpb.manila@tourism.gov.my

RUSSIA**Moscow**

c/o Embassy of Malaysia
Mosfilmovskaya Ulitsa 50
117192 Moscow, Russian Federation
T: 00 7 495 933 5748 / 5747
F: 00 7 495 933 5749
E: mtpb.moscow@tourism.gov.my
W: www.tourismmalaysia.ru

SAUDI ARABIA**Jeddah**

2nd Floor (upper parking)
Mega Business Centre
Serafi Megamall, Tahlia Street
c/o Consulate General of Malaysia
(Tourism Section)
P. O. Box 593, Jeddah 21421
Kingdom of Saudi Arabia
T: 00 966 12 286 7333
F: 00 966 12 286 7444
E: mtpb.jeddah@tourism.gov.my

SINGAPORE

#01-01B/C/D, No. 80, Robinson Road
Singapore 068898
T: 00 69 6532 6321 / 6351
F: 00 69 6535 6650
E: mtpb.singapore@tourism.gov.my
W: www.tourism.malaysia.org.sg

TAIWAN**Taipei**

Suite C, 8th Floor, Hung Tai Centre
170 Tun Hwa North Road, Taipei, Taiwan
T: 00 88 62 2514 9704 / 9734
F: 00 88 62 2514 9973
E: mtpb.taipei@tourism.gov.my
W: www.promotemalaysia.com.tw

THAILAND**Bangkok**

Unit 1, 3rd Floor, Zuellig House
1-7, Silom Road, Bangrak
Bangkok 10500, Thailand
T: 00 662 636 3381 - 2
F: 00 662 636 3384
E: tmbangkok@gmail.com

TURKEY**Istanbul**

Harman Sokak
Hamanci Giz Plaza, No.5, Floor:20
34394 Esentepe, Sisli, Istanbul, Turkey
T: 00 9 02 12 2844 436
F: 00 9 02 12 2844 437

UNITED ARAB EMIRATES**Dubai**

Lot 3, Ground Floor (facing Zabeel Road)
Al Safeena Building, Oud Mehta
Near Lamcy Plaza
P.O. Box 124096, Dubai, United Arab Emirates
T: 00 971 4337 7578 / 7579
F: 00 971 4335 3318
E: mtpb.dubai@tourism.gov.my

UNITED KINGDOM**London**

57, Trafalgar Square, London WC2N 5DU
United Kingdom
T: 00 44 2 079 307 932
F: 00 44 2 079 309 015
E: info@tourism-malaysia.co.uk
W: www.malaysiatrulyasia.co.uk

UNITED STATES OF AMERICA**Los Angeles**

818 West 7th Street, Suite 970
Los Angeles, CA 90017
United States of America
T: 00 1 213 689 9702
F: 00 1 213 689 1530
E: mtpb.la@tourism.gov.my
W: www.tourismmalaysiausa.com

VIETNAM**Ho Chi Minh City**

Unit 1208, 12th Floor, Me Linh Point Tower
No. 2 Ngo Duc Ke Street
District 1, Ho Chi Minh City, Vietnam
T: 00 84 8 3825 8011 / 8036
F: 00 84 8 3825 8037
E: mtpb.hochiminh@tourism.gov.my

WAKIL-WAKIL PEMASARAN**BANGLADESH****Dhaka**

d/a Malaysian High Commission in
Bangladesh House, No. 19, Road No. 6
Baridhara, Dhaka 1212, Bangladesh
T: 00 880 2882 7759 / 7760 / 2885 8394
F: 00 880 2882 7761 / 3115

CAMBODIA**Phnom Penh**

c/o Embassy of Malaysia
220-222, Preah Norodom Boulevard
Sangkat Tonle Bassac, Khan Chamkarmorn
Phnom Penh, Cambodia
T: 00 855 2322 1593
F: 00 855 2322 1594
E: tourismmalaysia@online.com.kh

CANADA

1806-1111 West Georgia St.
Vancouver, British Columbia
Canada V6E 4M3
T: 00 1 604 689 8899
F: 00 1 604 689 8804
E: mtpb.vancouver@tourism.gov.my
W: www.tourismmalaysia.ca

IRAN**Tehran**

Malaysia Embassy in Tehran
No.25, The 2nd St. Eyvanak Blvd, Phase No.04
Shahrak Gharb, Tehran
T: 00 98 21 8808 4361 / 00 98 21 8807 2444
F: 00 98 21 8808 4361

IRELAND**Dublin**

Level 3A-5A Shelbourne House
Shelbourne Road Ballsbridge
Dublin 4, Republic of Ireland
T: 00 353 1 237 6242 / 6243
E: info@tourism-malaysiadublin.com

LAOS**Vientiane**

(c/o Embassy of Malaysia)
Nongbone Rd, Phonxai Village
Saiseththa Dist, Vientiane, Laos
T: 00 85 6 2141 4205-6
00 85 6 2126 2373 (DL)
F: 00 85 6 2141 4201
E: mtpb.laos@tourism.gov.my





PENYATA KEWANGAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PENGREALISAN PELANCONGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pengrealisan Pelancongan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pengrealisan Pelancongan Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pengrealisan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pengrealisan Pelancongan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

i. Usaha Berterusan

Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah disediakan berdasarkan andaian usaha berterusan walaupun Kumpulan Wang Pengurusan menunjukkan baki negatif berjumlah RM61.68 juta pada 31 Disember 2018. Kedudukan aset Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia pada tarikh tersebut adalah berjumlah RM217.23 juta manakala liabiliti berjumlah RM273.29 juta yang menjadikan liabiliti bersih berjumlah RM56.06 juta. Berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa, keupayaan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk menjelaskan liabiliti jangka panjang adalah bergantung kepada sokongan kewangan daripada Kerajaan.

ii. Pelbagai Pemiutang Daripada Urus Niaga Pertukaran

Merujuk kepada Nota 14 kepada Penyata Kewangan, Pelbagai Pemiutang Daripada Urus Niaga Pertukaran adalah berjumlah RM188.04 juta. Sejumlah RM32.30 juta daripada baki tersebut merupakan pemiutang Pengiklanan Digital Bagi Pasaran China Dengan Platform Tencent yang ditangguhkan pembayaran kerana masih dalam siasatan oleh pihak berkuasa berkenaan.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Lembaga Pengarah dan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.


- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2019



LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA PENYATA Pengerusi dan SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **DATUK AHMAD SHAH HUSSEIN TAMBAKAU** dan **LUNG SAI MEI**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Lembaga berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,




.....
DATUK AHMAD SHAH HUSSEIN TAMBAKAU

Pengerusi Lembaga Pengarah,
Lembaga Penggalakan Pelancongan
Malaysia

Tarikh : 26 AUG 2019

Tempat : PUTRAJAYA

Bagi pihak Lembaga,



.....
LUNG SAI MEI

Ahli Lembaga Pengarah,
Lembaga Penggalakan Pelancongan
Malaysia

Tarikh : 26 AUG 2019

Tempat : PUTRAJAYA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PENGREALISAN PELANCONGAN MALAYSIA**


Saya, **DATUK MUSA YUSOF**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PENGREALISAN PELANCONGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih / Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Lembaga berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas)

di W.P Putrajaya)

pada 26 AUG 2019)


(DATUK MUSA YUSOF)



Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA
Wilayah Persekutuan Putrajaya
HP No: +6012.350.8527

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	Dinyatakan Semula 2017 RM
ASET SEMASA			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	5	191,594,468	50,417,555
Cukai Boleh Diperoleh Semula	6	507,005	1,350,000
Pinjaman Kakitangan	7	447,270	28,247
Pendahuluan	8	290,491	4,087,197
Deposit dan Prabayar	9	13,447,788	13,676,889
Pelbagai Penghutang daripada Urus Niaga Pertukaran	10	13,937	21,674
Bayaran Boleh Diperoleh Semula	11	5,431,258	5,431,258
JUMLAH ASET SEMASA		211,732,217	75,012,820
ASET BUKAN SEMASA			
Pinjaman Kakitangan	7	963,542	1,298,993
Hartanah, Loji dan Peralatan	12	3,907,535	5,090,703
Aset Tidak Ketara	13	628,399	925,570
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		5,499,476	7,315,266
JUMLAH ASET		217,231,693	82,328,086
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang daripada Urus Niaga Pertukaran	14	188,035,510	159,050,837
Akaun Khas	15	12,051,318	17,475,197
JUMLAH LIABILITI SEMASA		200,086,828	176,526,034
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Akaun Khas	15	64,866,707	31,493,791
Peruntukan Manfaat Kakitangan	16	8,068,606	6,556,981
Pendapatan Tertunda	17	54,276	53,106
Peruntukan Cukai	18	211,059	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		73,200,648	38,103,878
JUMLAH LIABILITI		273,287,476	214,629,912
LIABILITI BERSIH		(56,055,783)	(132,301,826)
ASET BERSIH / EKUITI			
Kumpulan Wang Pengurusan		(61,674,593)	(137,920,636)
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		500,000	500,000
Rizab Penilaian Semula		2,118,810	2,118,810
JUMLAH LIABILITI BERSIH		(56,055,783)	(132,301,826)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Urus Niaga Bukan Pertukaran			
Geran Kerajaan		300,000,000	350,000,000
Urus Niaga Pertukaran			
Faedah atas Simpanan Tetap		2,897,322	1,550,814
Faedah atas Akaun Semasa		68,151	73,256
Yuran Penyertaan Untuk Promosi		1,505,957	1,272,006
Faedah atas Pinjaman Kenderaan dan Komputer		51,400	50,302
Terimaan daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		47,671	385,551
Bayaran Balik VAT		1,672,473	2,015,600
Jualan Dokumen Tender		4,800	7,602
Lain-lain Pendapatan		110,355	299,947
		306,358,129	355,655,078
PERBELANJAAN			
Kos Pekerja			
Gaji dan Upahan		50,294,542	52,141,369
Elaun Tetap		18,298,520	20,534,834
Bonus		2,321,628	1,705,563
Tambahan Kos Kakitangan		3,256,209	4,119,805
Elaun Lebih Masa		1,370,467	1,155,498
Faedah-faedah Kewangan yang Lain		6,557,788	8,293,317
Belanja Operasi dan Pentadbiran			
Perjalanan dan Pengangkutan		5,811,532	5,428,612
Pengangkutan Barang-barang		2,112,553	2,598,716
Perhubungan		2,021,509	2,510,770
Utiliti		1,538,415	1,786,096
Sewaan		31,298,100	38,919,060
Percetakan		854,429	2,221,152
Bekalan Pejabat dan Alatulis		741,045	519,812
		126,476,737	141,934,604

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PERBELANJAAN (SAMBUNGAN)			
Suratkhabar, Majalah dan Periodikal		121,586	151,169
Minyak, Petrol dan Pelincir		952,291	841,926
Pelbagai Bekalan		878,831	750,075
Penyelenggaraan dan Pembaikan		6,322,721	6,667,561
Perkhidmatan Perubatan		3,130,851	3,077,338
Perkhidmatan Perundangan		24,782	191,921
Kursus dan Latihan		852,039	188,203
Promosi dan Penggalakan			
Pengiklanan		51,758,218	164,126,230
Keraian dan Hospitaliti		680,260	671,867
Pertunjukan dan Pameran		13,113,662	23,910,084
Perkhidmatan Perhubungan Awam		806,775	1,798,487
Pelbagai Perkhidmatan			
Pelbagai Perkhidmatan		9,040,798	19,728,859
Caruman Pencen		6,379,986	6,236,914
Ganjaran Pekerja Kontrak		6,823,752	7,447,746
Insuran		386,856	254,935
(Keuntungan) / Kerugian atas Tukaran Wang Asing		(789,771)	(2,357,881)
Hapuskira		79,928	173,830
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		1,933,554	2,789,257
Pelunasan Aset Tak Ketara		297,171	388,671
JUMLAH PERBELANJAAN		229,271,027	378,971,796
LEBIHAN / (KURANGAN) TAHUN SEMASA SEBELUM CUKAI		77,087,102	(23,316,718)
BELANJA CUKAI PENDAPATAN	18	(841,059)	-
LEBIHAN / (KURANGAN) BERSIH TAHUN SEMASA SELEPAS CUKAI		76,246,043	(23,316,718)
<i>Diagihkan kepada :</i>			
Dipegang oleh Entiti yang Mengawal		76,246,043	(23,316,718)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH / EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Nota	KUMPULAN WANG PENGURUSAN RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER RM	RIZAB PENILAIAN SEMULA RM	JUMLAH RM
Pada 1 Januari 2017	(116,333,790)	3,000,000	500,000	2,118,810	(110,714,980)
Lebihan / (Kurangan) Bersih Tahun Semasa <i>selepas Cukai</i>	(23,316,718)	-	-	-	(23,316,718)
Baki pada 31 Disember 2017	(139,650,508)	3,000,000	500,000	2,118,810	(134,031,698)
Pelarasan Tahun Lepas	1,729,872	-	-	-	1,729,872
Baki pada 31 Disember 2017 (Dinyatakan Semula)	(137,920,636)	3,000,000	500,000	2,118,810	(132,301,826)
Pada 1 Januari 2018	(137,920,636)	3,000,000	500,000	2,118,810	(132,301,826)
Lebihan / (Kurangan) Bersih Tahun Semasa <i>selepas Cukai</i>	76,246,043	-	-	-	76,246,043
Baki pada 31 Disember 2018	(61,674,593)	3,000,000	500,000	2,118,810	(56,055,783)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)*PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Pemberian Geran daripada Kerajaan		300,000,000	350,000,000
Terimaan Tunai daripada Pelanggan		6,310,458	45,857,553
Bayaran Tunai kepada Pembekal dan Pekerja		(163,770,376)	(390,359,588)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi		142,540,082	5,497,965
<i>Pelarasan :</i>			
Bayaran Cukai		(630,000)	-
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		141,910,082	5,497,965
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Terimaan daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		319,920	477,690
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(1,053,089)	(698,871)
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		(733,169)	(221,181)
Lebihan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		141,176,913	5,276,784
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun		50,417,555	45,140,771
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun	5	191,594,468	50,417,555

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2017		2018	2018	2018	
Sebenar RM		Sebenar RM	Bajet Asal RM	Bajet Akhir RM	Perbezaan Bajet Akhir dengan Sebenar RM
	PERUNTUKAN				
52,141,369	Gaji dan Upahan	50,294,542	50,514,393	51,903,393	1,608,851
20,534,834	Elaun Tetap	18,298,520	36,952,763	30,037,146	11,738,626
4,119,805	Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	3,256,209	6,930,346	7,884,113	4,627,904
1,155,498	Elaun Lebih Masa	1,370,467	2,000,000	2,293,970	923,503
8,293,317	Faedah-faedah Kewangan yang Lain	6,557,788	5,283,000	7,044,415	486,627
1,705,563	Imbuan Tahunan dan Bantuan Kewangan	2,321,628	1,350,000	2,301,777	(19,851)
87,950,386	Jumlah Kos Pekerja	82,099,154	103,030,502	101,464,814	19,365,660
5,428,612	Perjalanan dan Pengangkutan	5,811,532	3,652,114	5,746,684	(64,848)
2,598,716	Pengangkutan Barang-barang	2,112,553	1,330,000	2,227,687	115,134
4,296,866	Perhubungan dan Utiliti	3,559,924	5,036,796	4,361,413	801,489
38,919,060	Sewaan	31,298,100	38,377,797	36,754,006	5,455,906
841,926	Bekalan Bahan-bahan Mentah dan Alat Ganti	952,291	1,373,892	1,484,302	532,011
1,421,056	Bekalan dan Bahan-bahan Lain	2,595,891	2,302,561	2,384,210	(211,681)
6,667,561	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	6,322,721	6,625,739	6,872,002	549,281
214,509,225	Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	52,156,066	125,283,999	64,146,555	11,990,489
274,683,022	Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	104,809,078	183,982,898	123,976,859	19,167,781
675,269	Harta Modal	588,809	500,000	1,897,167	1,308,358
6,236,914	Pencen	6,379,986	8,494,263	8,511,613	2,131,627
2,669,164	Ganjaran	2,266,825	810,000	943,081	(1,323,744)
1,372,361	Bayaran-bayaran Lain	(403,005)	3,054,658	3,178,045	3,581,050
1,769,065	Cukai	2,155,495	127,680	1,520,342	(635,153)
375,356,181	JUMLAH	197,896,342	300,000,000	241,491,921	43,595,579

* Penyesuaian untuk perbelanjaan sebenar bagi perkara-perkara yang tidak dibajetkan adalah seperti berikut :-

173,830	Hapuskira	79,928	-	-	(79,928)
3,177,928	Susutnilai / Pelunasan	2,230,725	-	-	(2,230,725)
378,707,939	JUMLAH	200,206,995	300,000,000	241,491,921	41,284,926

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481). Fungsi utama Lembaga adalah menggiatkan dan menggalakkan pelancongan ke dan dalam Malaysia, merangsangkan, memajukan dan memasarkan Malaysia di arena antarabangsa dan tempatan sebagai tempat tujuan pelancong, menyelaraskan apa-apa aktiviti pemasaran atau penggalakan berhubung dengan pelancongan yang dijalankan oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan dan membuat syor-syor kepada Menteri langkah-langkah dan program-program yang hendak diterimapakai bagi menggiatkan kemajuan dan penggalakan industri pelancongan di Malaysia dan melaksanakan jika dibenarkan.

Lokasi utama operasi Lembaga terletak di Aras 9, No.2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia.

2. TARIKH KELULUSAN PENERBITAN

Penyata Kewangan Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Resolusi pada 26 Ogos 2019.

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Lembaga disediakan menggunakan asas konvensyen kos sejarah, kecuali penilaian semula tanah dan bangunan milikan bebas di bawah hartanah, loji dan peralatan atau yang didedahkan dalam dasar perakaunan penting. Penyata Kewangan mematuhi peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN) dan Garis Panduan/ Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Lembaga membuat anggaran dan andaian perakaunan yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh tahun kewangan yang dilaporkan. Ia turut memerlukan Lembaga membuat andaian dalam proses berkaitan dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Lembaga mengikut keadaan dan tindakan terkini, keputusan sebenar mungkin berlainan.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan nilainya adalah dibundarkan kepada ribu (RM'000) yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

LEMBAGA PENG GALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Polisi pengurangan nilai aset diiktiraf dan diukur berasaskan Nota 3.11.

Tanah milikan bebas dinyatakan pada nilai penilaian semula tolak kerugian pengurangan nilai. Penilaian semula dibuat atas arahan Lembaga berdasarkan penilaian pihak Jabatan Kerja Raya berasaskan kepada nilai pasaran. Lebihan yang wujud daripada penilaian semula diambil kira dalam rizab penilaian semula.

Sebarang defisit yang timbul selepas penilaian tersebut dihapuskan dalam rizab penilaian semula terhad kepada lebihan yang wujud bagi aset yang sama pada penilaian terdahulu dan dicaj ke Penyata Prestasi Kewangan. Sebaik aset yang dinilai semula dilupus, jumlah rizab penilaian semula diambil kira dalam keuntungan tertahan.

Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Tanah pajakan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan daripada 60 tahun ke 99 tahun.

Susut nilai dikenakan ke atas hartanah, loji dan peralatan berdasarkan kaedah baki berkurangan atau asas garis lurus. Kadar-kadar susut nilai adalah seperti berikut :

Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar
Bangunan	2%
Alat Kelengkapan Pejabat	10 - 20%
Alat Elektronik / Komputer	10 - 20%
Alat Elektrik & Fotografi	20%
Kenderaan	20%
Perabot	20%

Perolehan Alat Elektronik / Komputer berjumlah RM464,280 daripada peruntukan Akaun Khas yang disusut nilai dengan kadar 50% seperti Nota 12.

Bermula tahun kewangan 2015, Lembaga telah menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan No. KP2.1/2013 di mana pembelian hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada harga kos dalam Lembaran Imbangan kecuali pembelian yang bernilai RM2,000 dan ke bawah akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Bermula tahun kewangan 2009, kos ubahsuai di bangunan pejabat yang bukan dimiliki oleh Lembaga tidak dipermodalkan dan diiktiraf sebagai belanja penyelenggaraan dan pembaikan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan yang telah disusut nilai sepenuhnya dikekalkan dalam Penyata Kewangan pada kadar nominal sehingga aset tersebut tidak digunakan lagi atau dilupuskan.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.3 Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara adalah aset yang tidak mempunyai kewujudan secara fizikal dan mempunyai dua bentuk iaitu harta intelek seperti paten, cap dagangan, muhibah dan hak cipta atau harta bukan intelek seperti pengkalan data, domain internet, perisian komputer dan sebagainya. Aset tak ketara diperoleh secara berasingan adalah diambil kira berdasarkan kos pengiktirafan awal. Berikutan pengiktirafan awal, aset tak ketara dikira pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan juga kerugian rosot nilai terkumpul. Tempoh hayat berguna aset tak ketara dinilai sama ada secara terbatas ataupun sebaliknya.

Hayat berguna perisian komputer dan lesen dianggap terbatas kerana perisian komputer dan lesen terdedah kepada kelapukan teknologi. Perisian komputer dan lesen yang diperoleh dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sehingga setiap aset mencapai nilai sisa berdasarkan kepada nisbah setahun. Rosot nilai ditaksir apabila terdapat penunjuk rosot nilai dan tempoh serta kaedah pelunasan juga dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan. Kadar susut nilai tahunan ialah:-

Aset Tak Ketara	Kadar
Perisian Komputer	20%

3.4 Aset Kewangan**a) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran**

Aset kewangan di bawah MPSAS 29 Instrumen Kewangan, Pengiktirafan dan Pengukuran dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, pinjaman dan penghutang, pelaburan dipegang hingga matang atau aset kewangan sedia untuk dijual, sebagaimana yang sesuai. Lembaga menentukan klasifikasi aset kewangan tersebut pada pengiktirafan awal.

Aset kewangan Lembaga merangkumi tunai dan penghutang daripada urusan pertukaran.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosot nilai.

b) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Lembaga menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Aset Kewangan (sambungan)

b) Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

Bukti objektif boleh termasuk:

- Kesukaran kewangan yang ketara oleh penghutang.
- Pelanggaran kontrak.
- Ia menjadi kemungkinan bahawa penghutang akan bankrap atau penyusunan semula kewangan
- Data yang boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat penurunan signifikan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan.

Bagi kategori tertentu aset kewangan seperti penghutang, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting tau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah aset asal.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan dan defisit dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan dan defisit serta-merta.

c) Nyah Iktiraf

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima dana daripada aset kewangan tersebut telah lupus atau aset kewangan tersebut telah dipindah kepada pihak yang lain tanpa memegang kawalan atau risiko atas aset kewangan tersebut dan pampasan hak milik telah dipindahkan.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)****3.5 Transaksi Matawang Asing dan Baki**

Transaksi dalam matawang asing telah ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan matawang yang digunakan oleh Lembaga pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau, apabila pembayaran belum dibuat pada akhir tahun kewangan kepada kadar pertukaran pada tarikh akhir tahun kewangan berpandukan kadar pertukaran matawang asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara. Semua keuntungan dan kerugian pertukaran matawang asing telah diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Kadar penutup utama yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara di dalam pertukaran amaun matawang asing adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Dolar Amerika	4.2274	4.2224
Pound Sterling	5.4573	5.5734
Euro	4.8010	4.9477
Dolar Australia	3.0580	3.2208
Dolar Singapura	3.0718	3.1111
Renminbi China	0.6092	0.6374
Dolar Hong Kong	0.5398	0.5410
Yen Jepun	0.0373	0.0374
Dolar New Taiwan	0.1371	0.1403
Baht Thailand	0.1282	0.1281
Riyal Saudi	1.1268	1.1259
Rupiah Indonesia	0.0003	0.0003
Rupee India	0.0587	0.0651

3.6 Penyata Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara langsung.

3.7 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai terdiri daripada wang dalam tangan dan wang di bank. Kesetaraan tunai meliputi simpanan tetap yang tempoh matangnya tidak melebihi satu tahun dan boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh yang terdekat.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.8 Liabiliti Kewangan

a) Pengiktirafan Awal dan Pengukuran

Liabiliti kewangan di bawah MPSAS 29 Instrumen Kewangan, Pengiktirafan dan Pengukuran dikelaskan sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit, pinjaman dan peminjaman, sebagaimana yang sesuai. Lembaga menentukan klasifikasi liabiliti kewangan pada pengiktirafan awal.

Semua liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama dan, dalam hal pinjaman, ditambah kos urusniaga berkaitan secara langsung.

Liabiliti kewangan Lembaga merangkumi pemiutang dan lain-lain pemiutang daripada urusniaga pertukaran.

b) Nyah Iktiraf

Liabiliti kewangan tidak dimasukkan apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama pada syarat yang berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, apa-apa pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah bawaan masing-masing diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

3.9 Pajakan

Pajakan kewangan dan sewabeli di bawah MPSAS 13 diambilkira oleh Lembaga berdasarkan andaian ke atas manfaat dan risiko pemilikan terhadap aset tersebut. Pajakan selain daripada pajakan kewangan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

a) Pajakan Kewangan

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi melalui sewabeli dipermodalkan di dalam penyata kedudukan kewangan dan susut nilai bagi aset tersebut adalah seperti yang dinyatakan di nota 3.2.

b) Pajakan Operasi

Bayaran bagi sewa pajakan diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan berdasarkan tempoh perjanjian pajakan tersebut.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.10 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan ke atas pendapatan daripada urusan niaga pertukaran termasuk cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa adalah jangkaan cukai pendapatan berbayar berdasarkan keuntungan boleh dicukai tahun semasa dikira menggunakan kadar cukai berkanun dan sebarang pelarasan pada cukai perlu dibayar berhubung tahun-tahun sebelumnya.

3.11 Pengurangan Nilai Aset

Amaun dibawa bagi aset disemak semula untuk menentukan sama ada terdapat penunjuk aset berkenaan terjejas. Kerugian pengurangan nilai dicajkan serta merta di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Peningkatan di dalam amaun boleh pulih sesebuah aset dianggap sebagai penarikbalikan kerugian pengurangan nilai sebelumnya dan diiktiraf setakat amaun dibawa bagi aset yang ditentukan (setelah ditolak pelunasan dan susut nilai) yang tiada pengiktirafan kerugian pengurangan nilai. Penarikbalikan diiktiraf serta merta di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3.12 Akaun Khas

Akaun Khas ini adalah akaun yang ditubuhkan oleh Lembaga untuk merekodkan segala terimaan dan pembayaran yang berkaitan dengan pemberian khas yang diterima daripada Kementerian dan agensi luar bagi membiayai aktiviti / maksud tertentu oleh pihak berkenaan. Baki akaun khas dianggap sebagai liabiliti dalam tempoh laporan jika peruntukan yang diterima tidak diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh akhir tahun kewangan.

3.13 Geran Tertunda

Geran tertunda bagi peruntukan pembangunan adalah pemberian langsung oleh Kerajaan untuk tujuan membiayai promosi pelancongan dan perbelanjaan pembangunan. Geran ini dikategorikan sebagai liabiliti iaitu hasil geran tertunda. Geran pembangunan hanya dilunaskan ke penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan pembangunan dan pembelian aset berlaku. Liabiliti ini dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul.

3.14 Pengiktirafan Pendapatan

a) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.14 Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

a) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (sambungan)

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran bagi Lembaga adalah Geran Kerajaan iaitu geran mengurus yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu.

b) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti. Hasil urus niaga pertukaran bagi Lembaga adalah faedah daripada simpanan, faedah atas pinjaman, yuran penyertaan, jualan dokumen tender, faedah atas pendahuluan diri dan bayaran balik VAT.

3.15 Manfaat Kakitangan

Manfaat kakitangan diiktiraf sebagai perbelanjaan kecuali jumlah kos tersebut layak untuk dipermudahkan sebagai aset Lembaga.

a) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, imbuhan tetap, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus dan lain-lain faedah bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh di mana pekerja memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan dan diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti berkenaan diselesaikan.

Lembaga juga mengiktiraf bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

b) Pelan Caruman Ditentukan

Pelan caruman ditentukan adalah pelan pencen di mana Lembaga membayar caruman tetap kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga tidak mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana itu tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya.

Caruman Lembaga kepada pelan caruman ditentukan adalah dicajkan kepada lebih atau kurang dalam tempoh yang berkaitan. Caruman prabayar adalah diiktiraf sebagai aset setakat mana bayaran balik tunai atau pengurangan dalam pembayaran masa hadapan itu wujud.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.15 Manfaat Kakitangan (sambungan)

c) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun dan bayaran GCR boleh dibayar kepadanya. Bagi pegawai yang berhenti sebelum berumur 40 tahun, pekerja tidak layak menuntut bayaran GCR seperti pekeliling yang berkuatkuasa.

d) Manfaat Penamatan Kerja

Manfaat penamatan adalah dibayar apabila pekerjaan ditamatkan oleh Lembaga sebelum tarikh persaraan biasa, atau apabila seorang pekerja menerima pemberhentian sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Lembaga mengiktiraf manfaat penamatan pada tarikh yang mana lebih awal antara berikut: (a) apabila Lembaga tidak boleh lagi menarik balik tawaran manfaat itu; dan (b) apabila Lembaga mengiktiraf kos penyusunan semula yang termasuk dalam skop MPSAS 25 dan melibatkan pembayaran manfaat penamatan. Dalam kes suatu tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela, manfaat penamatan itu diukur berdasarkan bilangan anggota yang dijangka menerima tawaran itu. Manfaat yang kena dibayar lebih daripada 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan adalah didiskaunkan kepada nilai kininya.

3.16 Anggaran dan Pertimbangan Ketara

Anggaran dan pertimbangan ketara yang dibuat oleh pengurusan dalam proses menerapkan dasar perakaunan Lembaga tidak mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

3.17 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

4. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Lembaga bertujuan memastikan sumber kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar disamping mengurus risiko kadar faedah, risiko pertukaran matawang asing, risiko pasaran kecairan dan risiko nilai saksama. Lembaga beroperasi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan polisi Lembaga untuk tidak terlibat dengan pasaran spekulatif.

4.1 Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah di mana instrumen kewangan akan berubah akibat dari perubahan pada kadar faedah di pasaran. Pelaburan dalam aset kewangan adalah berjangka pendek dan kebanyakan diletakkan dalam simpanan tetap yang memberi pulangan lebih baik daripada tunai di bank. Maklumat bagi tempoh matang dan kadar faedah aset kewangan dan liabiliti ditunjukkan dalam nota yang berkaitan.

4.2 Risiko Pertukaran Matawang Asing

Lembaga juga beroperasi di peringkat antarabangsa dan terlibat kepada pelbagai matawang secara yang dinyatakan pada nota 3.5. Matawang asing yang diasaskan pada aset dan liabiliti bersama-sama aliran tunai yang dijangka akan diterima atau dibayar memberi kesan kepada peningkatan pendedahan pertukaran matawang asing.

4.3 Risiko Kecairan

Lembaga sentiasa menguruskan aliran tunai operasi dan mengawal dana agar semua bayaran dan keperluan dana adalah mencukupi. Antara langkah pengurusan kecairan yang berhemah ialah Lembaga mengekalkan tahap kecairan yang mencukupi dan memastikan pelaburan mudah dicairkan mencukupi untuk membiayai semua tanggungan yang genap tempoh pembayaran.

4.4 Risiko Pasaran

Publisiti negatif mengenai Malaysia yang disiarkan oleh media-media cetak dan elektronik antarabangsa telah mempengaruhi ketibaan pelancong asing ke Malaysia. Penekanan secara fokus dan berterusan kepada usaha menarik pelancong pasaran jarak jauh termasuk dari pasaran serantau telah dapat mencapai sasaran ketibaan pelancong sebanyak 26.4 juta dan pulangan RM84.9 bilion.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***4. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)****Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (Sambungan)****4.5 Nilai Saksama**

Pada tarikh penyediaan penyata kedudukan kewangan, nilai dibawa bagi setiap bahagian instrumen kewangan adalah hampir sama:-

Tunai dan Kesetaraan Tunai, Penghutang dan Pemiutang

Nilai dibawa Tunai, Penghutang dan Pemiutang adalah hampir sama dengan nilai saksama disebabkan oleh instrumen kewangan ini bersifat jangka pendek.

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2018 RM	2017 RM
Wang di tangan	12,839	14,074
Wang di bank	191,540,379	50,403,481
Wang dalam Perjalanan	41,250	-
	<u>191,594,468</u>	<u>50,417,555</u>

Kadar faedah efektif tahun 2018 bagi simpanan tetap dengan bank-bank berlesen ialah di antara **3.40% hingga 3.55%** (2017: 2.9% hingga 3.30%). Tempoh matang simpanan tetap bagi tahun 2018 antara **1 hari dan 60 hari** (2017: 1 hari dan 60 hari).

Pecahan terhadap wang di bank dan wang dalam tangan mengikut Ringgit Malaysia dan lain-lain matawang adalah seperti berikut:-

	2018 RM	2017 RM
Ringgit Malaysia	171,111,894	36,019,918
Bhat Thailand	240,933	904,231
Dolar Singapura	731,756	75,227
Pound Sterling	1,784,923	168,287
Dolar Australia	1,114,737	743,302
Yen Jepun	1,784,399	275,982
Dolar Hong Kong	262,249	251,561
	<u>177,030,891</u>	<u>38,438,508</u>

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (SAMBUNGAN)**

	2018 RM	2017 RM
Euro	578,302	668,829
Dolar Amerika	2,678,289	1,746,158
Dolar Kanada	138,607	26,298
Dolar New Taiwan	605,619	1,039,076
Won Korea	621,435	949,253
Rand Afrika	-	832,925
Rupee India	3,241,851	2,977,554
Riyal Saudi	277,025	306,934
Renminbi China	3,148,950	2,405,739
Rupiah Indonesia	306,590	136,833
UAE Dirham	2,243,119	584,474
Dolar Brunei	194,635	48,853
Peso Manila	210,612	123,357
Rubel Moscow	28,035	11,865
Dolar New Zealand	277,322	84,300
Tenge Kazakhstan	1,028	17,076
Lira New Turkish	12,158	19,523
	191,594,468	50,417,555

6. CUKAI BOLEH DIPEROLEH SEMULA

Lembaga telah dikecualikan dari cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai tahun taksiran 2015, 2016 dan 2017.

7. PINJAMAN KAKITANGAN

	2018 RM	2017 RM
Pinjaman Kenderaan	1,239,491	1,227,923
Pinjaman Komputer	171,321	99,317
	1,410,812	1,327,240

Analisis pengumuran seperti berikut:

Tidak lebih dari 1 tahun	447,270	28,247
Lebih dari 1 tahun kurang daripada 5 tahun	805,645	427,350
Lebih 5 tahun	157,897	871,643
	1,410,812	1,327,240

Kadar keuntungan dikenakan 4% setahun masing-masing mengikut kaedah baki berkurangan.

LEMBAGA PENG GALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***8. PENDAHULUAN**

	2018 RM	2017 RM
Pelbagai Pendahuluan	278,648	3,925,021
Pendahuluan Perjalanan	11,843	162,176
	<u>290,491</u>	<u>4,087,197</u>

Analisis pengumuran seperti berikut:

1 hingga 30 hari	28,765	87,294
31 hingga 60 hari	9,990	297,568
61 hingga 90 hari	-	10,000
Lebih 90 hari	251,736	3,692,335
	<u>290,491</u>	<u>4,087,197</u>

9. DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2018 RM	2017 RM
Deposit	8,079,485	8,553,851
Prabayar	5,368,303	5,123,038
	<u>13,447,788</u>	<u>13,676,889</u>

10. PELBAGAI PENGHUTANG DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN

	2018 RM	2017 RM
Pelbagai Penghutang daripada urusan niaga pertukaran	13,937	21,674
	<u>13,937</u>	<u>21,674</u>

11. BAYARAN BOLEH DIPEROLEH SEMULA

Bayaran boleh diperoleh semula adalah pembekuan pembatalan transaksi bank pada 15 Jun 2017 berjumlah USD1,262,408.00 / RM5,431,257.94 bagi tujuan penyasatan kes *scam* bayaran kepada Etihad Airways. Kes ini sedang disiasat oleh pihak pendakwaraya Amerika Syarikat (*United States Attorney Office*) melalui kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Beberapa siri tindakan susulan telah dibuat bersama pihak PDRM dan setakat 14 Ogos 2019, pihak PDRM telah mengesahkan bahawa kes ini masih dalam tindakan pihak berkuasa Amerika Syarikat.

LEMBAGA PENGKALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengkalan Pelancongan Malaysia 1993)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
NOTA-NOTA BERKEMAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Nota	Tanah Milik Bebas	Tanah Pajakan	Bangunan	Ubahsuai Pejabat	Kendaraan	Kelengkapan Pejabat	Alat Elektrik	Alat Fotografi	Perabot	Alat Elektronik / Komputer	Alat Elektronik / Komputer (Akaun Khas)	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Kos												
Pada 1 Januari 2017	5,700	955,110	1,188,000	271,899	13,907,314	435,262	2,950,101	2,756,346	516,586	14,269,476	-	37,255,794
Tambahan	-	-	-	-	-	232,260	114,862	-	-	99,749	-	446,871
Jualan/Lupus	-	-	-	-	(915,842)	(59,517)	(161,017)	(64,796)	-	(2,471,973)	-	(3,673,145)
Pada 31 Disember 2017 dan 1 Januari 2018	5,700	955,110	1,188,000	271,899	12,991,472	608,005	2,903,946	2,691,550	516,586	11,897,252	-	34,029,520
Tambahan	-	-	-	-	1	40,112	4,320	-	27,907	516,469	464,280	1,053,089
Jualan/Lupus	-	-	-	-	(310,086)	-	(68,351)	-	-	(36,506)	-	(414,943)
Pada 31 Disember 2018	5,700	955,110	1,188,000	271,899	12,681,387	648,117	2,839,915	2,691,550	544,493	12,377,215	464,280	34,667,666
Susut Nilai Berkumpul												
Pada 1 Januari 2017	-	45,482	113,022	271,899	11,454,166	350,607	2,393,035	2,454,771	177,829	12,469,780	-	29,730,591
Susut nilai tahun semasa	-	22,741	23,760	-	1,281,377	77,552	248,574	93,659	103,317	938,276	-	2,789,256
Jualan/Lupus	-	-	-	-	(834,239)	(56,894)	(159,898)	(64,774)	-	(2,465,225)	-	(3,581,030)
Pada 31 Disember 2017 dan 1 Januari 2018	-	68,223	136,782	271,899	11,901,304	371,265	2,481,711	2,483,656	281,146	10,942,831	-	28,938,817
Susut nilai tahun semasa	-	47,875	23,760	-	721,591	81,765	185,323	82,241	108,899	682,100	232,140	2,165,694
Jualan/Lupus	-	-	-	-	(251,125)	-	(57,734)	-	-	(35,521)	-	(344,380)
Pada 31 Disember 2018	-	116,098	160,542	271,899	12,371,770	453,030	2,609,300	2,565,897	390,045	11,589,410	232,140	30,760,131
Nilai Bersih dibawa pada:												
Pada 31 Disember 2018	5,700	839,012	1,027,458	-	309,617	195,087	230,615	125,653	154,448	787,805	232,140	3,907,535
Pada 31 Disember 2017	5,700	886,887	1,051,218	-	1,090,168	236,740	422,235	207,894	235,440	954,422	-	5,090,703

** Nota : Termasuk di dalam Nota 12 ini adalah alat elektronik / komputer yang diperolehi menggunakan Akaun Khas

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***12. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)**

Tanah pajakan Lembaga di Mukim Kuala Abang, Dungun Terengganu telah dinilai semula pada 5 Oktober 2015 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Chukai, Kementerian Kewangan, Malaysia pada nilai pasaran yang berpatutan dan munasabah.

13. ASET TAK KETARA

	Perisian Komputer RM
Kos	
Pada 1 Januari 2017	10,888,044
Tambahan	252,000
Jualan/Lupus	(963,678)
Pada 31 Disember 2017 dan 1 Januari 2018	10,176,366
Tambahan	-
Jualan/Lupus	-
Pada 31 Disember 2018	10,176,366
Susut Nilai Berkumpul	
Pada 1 Januari 2017	9,825,778
Susut nilai tahun semasa	388,671
Jualan/Lupus	(963,653)
Pada 31 Disember 2017 dan 1 Januari 2018	9,250,796
Susut nilai tahun semasa	297,171
Jualan/Lupus	-
Pada 31 Disember 2018	9,547,967
Nilai Bersih dibawa pada:	
Pada 31 Disember 2018	628,399
Pada 31 Disember 2017	925,570

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

14. PELBAGAI PEMIUTANG DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN

		Dinyatakan Semula
	2018	2017
	RM	RM
Pemiutang	187,976,092	158,738,556
Cagaran	23,762	277,591
Peruntukan Yuran Agen Cukai	2,500	2,500
Peruntukan Yuran Audit	33,156	32,190
	188,035,510	159,050,837

Penjelasan invois adalah dalam tempoh empat belas hari daripada penerimaan selaras dengan Arahan Perbendaharaan. Pecahan pelbagai pemiutang mengikut RM dan matawang asing seperti berikut :-

		Dinyatakan Semula
	2018	2017
	RM	RM
Ringgit Malaysia	108,530,826	98,395,166
Dolar Amerika	147,718	355,145
Euro	512,545	606,434
Pound Sterling	755,012	364,745
Bhat Thailand	58,054	-
Yen Jepun	35,719,451	24,167,334
Dolar New Taiwan	10,435,772	6,660,979
Won Korea	14,991,743	11,272,379
Rupee India	379,176	271,669
Dolar Singapura	3,758	52,154
Dolar Australia	133,214	43,704
Renminbi China	7,956,585	7,730,692
Dolar Kanada	3,050	1,494
Dolar Hong Kong	8,330,077	7,945,068
UAE Dirham	-	962,296
Riyal Saudi	1,023	75,381
Rupiah Indonesia	6,615	10,503
Dolar Brunei	21,536	3,337
Peso Manila	6,924	20,559
Rubel Moscow	12,340	83,292
Dolar New Zealand	24,524	20,361
Lira New Turkish	4,849	4,586
Tenge Kazakhstan	718	3,559
	188,035,510	159,050,837

LEMBAGA PENG GALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***15. AKAUN KHAS**

	Nota	WANG AMANAH DENGAN IKATAN (WADI) RM (LIABILITI SEMASA)	NATIONAL KEY ECONOMIC AREAS (NKEA) RM (LIABILITI BUKAN SEMASA)	VISIT MALAYSIA (VM) RM (LIABILITI BUKAN SEMASA)	JUMLAH RM
Pada 1 Januari 2017		15,369,073	17,302,788	-	32,671,861
<i>Tambah</i> : Peruntukan diterima Dalam Tahun Semasa		30,766,757	25,000,000	-	55,766,757
<i>(Tolak)</i> : Pendapatan / Peruntukan Dilunaskan		(29,732,274)	(10,811,997)	-	(40,544,271)
Pada 31 Disember 2017		16,403,556	31,490,791	-	47,894,347
Tambah : Pelarasan Tahun Lepas	22	1,071,641	3,000	-	1,074,641
Pada 31 Disember 2017 (Dinyatakan Semula)		17,475,197	31,493,791	-	48,968,988
<i>Tambah</i> : Peruntukan diterima Dalam Tahun Semasa		7,119,317	37,000,000	92,371,058	136,490,375
<i>Tambah</i> : Pelarasan	3.2	-	464,280	-	464,280
<i>(Tolak)</i> : Pendapatan / Peruntukan Dilunaskan		(12,543,196)	(40,136,257)	(56,326,165)	(109,005,618)
Pada 31 Disember 2018		12,051,318	28,821,814	36,044,893	76,918,025

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

15. AKAUN KHAS (SAMBUNGAN)

Pendapatan / Peruntukan Dilunaskan
terdiri daripada :

	(WADI) RM	(NKEA) RM	(VM) RM	JUMLAH RM
<u>PENDAPATAN</u>				
Urus Niaga Pertukaran				
Yuran Penyertaan untuk Promosi Pelancongan	15,000	-	2,750	17,750
Lain-lain Pendapatan	7,428	-	-	7,428
JUMLAH PENDAPATAN	22,428	-	2,750	25,178
<u>PERBELANJAAN</u>				
Kos Pekerja				
Faedah-faedah Kewangan yang Lain	112,518	-	-	112,518
	112,518	-	-	112,518
Belanja Operasi dan Pentadbiran				
Perjalanan dan Pengangkutan	105,898	21,555	658,497	785,951
Pelbagai Bekalan	5,680	-	-	5,680
	111,578	21,555	658,497	791,631
Promosi dan Penggalakan				
Pengiklanan	3,421,530	3,293,959	7,920,532	14,636,021
Keraian dan Hospitaliti	18,367	4,809	86,240	109,415
Pertunjukan dan Pameran	7,921,671	24,950,066	18,696,161	51,567,899
Perhubungan Awam	278,406	-	1,344,130	1,622,535
	11,639,974	28,248,834	28,047,062	67,935,871
Pelbagai Perkhidmatan				
Pelbagai Perkhidmatan	661,814	11,166,163	27,589,486	39,417,463
(Keuntungan) / Kerugian Tukaran Wang Asing	39,740	699,705	33,870	773,315
	701,554	11,865,868	27,623,356	40,190,778
JUMLAH PERBELANJAAN	12,565,624	40,136,257	56,328,915	109,030,797
PENDAPATAN / PERUNTUKAN DILUNASKAN	(12,543,196)	(40,136,257)	(56,326,165)	(109,005,619)

LEMBAGA PENG GALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***15. AKAUN KHAS (SAMBUNGAN)**

Akaun Khas Wang Amanah Dengan Ikatan (WADI) adalah berkaitan dengan aktiviti / program promosi Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya manakala Akaun Khas NKEA berkaitan dengan aktiviti / program NKEA yang telah dipersetujui oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Terimaan dari Kerajaan bagi NKEA EPP11 - Perhubungan dan Promosi berjumlah RM37 juta (2017 : RM25 juta)

16. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2018 RM	2017 RM
Peruntukan Manfaat Kakitangan terdiri daripada:		
Baki pada 1 Januari	6,556,981	4,547,344
Pembayaran dalam Tahun Semasa	(755,200)	(464,134)
Pelarasan:		
Peningkatan dalam Tahun Semasa	2,266,825	2,473,771
Baki pada 31 Disember	8,068,606	6,556,981

17. PENDAPATAN TERTUNDA

	2018 RM	2017 RM
Pendapatan Tertunda Lembaga terdiri daripada:		
Baki pada 1 Januari	53,106	45,632
Tambahan	21,624	23,602
(Tolak) : Susut Nilai	(20,454)	(16,128)
Baki pada 31 Disember	54,276	53,106

Pendapatan tertunda ini merupakan terimaan aset berbentuk hadiah kepada Lembaga.

18. BELANJA CUKAI PENDAPATAN

	2018 RM	2017 RM
Belanja Cukai Semasa		
Tahun Semasa	630,000	-
Lebih peruntukan	211,059	-
Belanja Cukai	841,059	-

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***18. BELANJA CUKAI PENDAPATAN (SAMBUNGAN)**

Cukai pendapatan semasa di kira pada kadar cukai berkanun 24% atas lebihan yang diterima dalam tahun kewangan.

Penyesuaian caj cukai tertakluk kepada (kurangan)/lebihan sebelum cukai pada kadar cukai yang ditetapkan dan caj cukai pada kadar cukai efektif adalah seperti berikut:

	2018 RM	2017 RM
Lebihan pendapatan sebelum Cukai	78,757,919	-
Cukai mengikut kadar cukai berkanun di Malaysia 24%	841,059	-
Perbelanjaan yang tidak dibenar	-	-
Kesan daripada cukai tertunda yang tidak diiktiraf	-	-
Kurangan / (Lebihan) peruntukan tahun sebelum	-	-
Pendapatan yang dikecualikan cukai	-	-
Belanja Cukai	841,059	-

Lembaga telah dikecualikan dari cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 mulai tahun taksiran 2015, 2016 dan 2017.

19. MAKLUMAT MENGIKUT SEGMENT

Berikut adalah beberapa perbelanjaan di peringkat Lembaga mengikut lokasi geografi:

2018	Emolumen RM	Sewaan RM	Pengiklanan RM	Promosi/ Keraian RM	Perhubungan Awam RM
Dalam Negeri	50,885,240	3,306,512	4,554,881	4,194,890	-
Amerika	2,010,623	1,394,948	21,008	613,951	335,090
Eropah	7,025,839	7,404,106	17,018	2,169,403	-
Asia	18,534,884	15,659,606	47,165,311	5,784,226	471,685
Oceania / Afrika Selatan	1,839,411	2,099,839	-	277,301	-
Timur Tengah	1,803,157	1,433,089	-	754,151	-
	82,099,154	31,298,100	51,758,218	13,793,922	806,775

LEMBAGA PENGKALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengkalan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***19. MAKLUMAT MENGIKUT SEGMENT (SAMBUNGAN)**

2017	Emolumen	Sewaan	Pengiklanan	Promosi/ Keraian	Perhubungan Awam
	RM	RM	RM	RM	RM
Dalam Negeri	48,269,429	2,205,896	130,728,559	4,927,636	7,181
Amerika	3,657,989	2,793,038	-	677,691	-
Eropah	10,982,521	8,230,920	2,063	5,440,010	1,060,791
Asia	18,825,762	18,427,341	33,395,608	11,984,244	542,333
Oceania / Afrika Selatan	3,480,013	4,185,472	-	220,104	188,182
Timur Tengah	2,734,672	3,076,393	-	1,332,266	-
	<u>87,950,386</u>	<u>38,919,060</u>	<u>164,126,230</u>	<u>24,581,951</u>	<u>1,798,487</u>

20. KAKITANGAN

	2018	2017
Bilangan Kakitangan	<u>960</u>	<u>1,005</u>

21. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke aktiviti-aktiviti Lembaga sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk semua Lembaga Pengarah. Imbuhan untuk kakitangan penting pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk tahun berkenaan adalah seperti berikut :-

	2018 RM	2017 RM
Jumlah Imbuhan	<u>2,281,250</u>	<u>3,641,820</u>
Jumlah Kakitangan	<u>32</u>	<u>31</u>

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah emolumen diterima atau akan diterima dan belum diterima oleh para Pengarah sepertimana yang dinyatakan dalam nota ini) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Lembaga atau syarikat perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana ianya ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

LEMBAGA PENGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA*(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pengalakan Pelancongan Malaysia 1992)***BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018***NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)***22. PELARASAN TAHUN LEPAS****(i) Kumpulan Wang Pengurusan**

Lembaga telah mengakrakan sepenuhnya perbelanjaan dalam tempoh perakaunan 2017 dan 2018. Walau bagaimanapun, pada tahun 2017, perbelanjaan ini telah terlebih catat. Pelarasan telah diakaunkan dan kesan perubahan adalah seperti berikut :-

	2017 RM
Kesan ke atas Kumpulan Wang Pengurusan Pada 1 Januari	(116,333,790)
Lebihan / (Kurangan) Bersih Selepas Cukai	(23,316,718)
Baki pada 31 Disember 2017	(139,650,508)
Pelarasan Tahun Lepas	1,729,872
Baki pada 31 Disember 2017 (Dinyatakan Semula)	<u>(137,920,636)</u>

(ii) Liabiliti Semasa dan Liabiliti Bukan Semasa

Kesan pelarasan ini terhadap amaun pemiutang dan akaun khas tahun 2017 seperti yang dinyatakan pada perkara 22 (i) telah dinyatakan semula seperti berikut :-

	Dinyatakan dahulu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan semula RM
Pelbagai Pemiutang daripada Urus Niaga Pertukaran	161,855,350	(2,804,513)	159,050,837
Akaun Khas Liabiliti Semasa (WADI)	16,403,556	1,071,641	17,475,197
Akaun Khas Liabiliti Bukan Semasa (NKEA)	31,490,791	3,000	31,493,791

23. HAL-HAL LAIN

Pempena Sdn. Bhd. telah diperintahkan penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 27 Jun 2012. Pentadbiran penggulungan syarikat Pempena Sdn. Bhd. dikendalikan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Pihak Jabatan Insolvensi Malaysia mensasarkan untuk membuat penutupan kes ini setelah semua penzahiran dan penghasilan aset syarikat diambil tindakan.

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA

(Diperbadankan di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN ... (Sambungan)

23. HAL-HAL LAIN (SAMBUNGAN)

Tindakan susulan telah dibuat menerusi email kepada Jabatan Insolvency pada 22 Mac 2019 dan status penggulangan Pempena Sdn. Bhd. masih kekal sebagaimana yang dilaporkan dalam penyata kewangan yang lepas kerana Salam Aneka Sdn. Bhd. masih belum mengemukakan persetujuan mengenai pemegang saham baru memandangkan tawaran KOPPEMA telah terbatal dan kontrak sewaan Saloma Bistro telah tamat pada 30 Ogos 2017.

Lembaga menjangkakan penutupan kes tersebut di Jabatan Insolvency Malaysia pada tahun 2019.

Akaun Kumpulan Lembaga tidak disediakan kerana Jabatan Peguam Negara Malaysia telah memberi pandangan bahawa Lembaga tidak diperuntukkan kuasa untuk menubuhkan Syarikat di bawah Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481).

24. ANGKA BANDINGAN

Angka-angka perbandingan adalah selaras dengan persembahan dan pengkelasan penyata kewangan tahun lepas.



Malaysia
Truly Asia

IBU PEJABAT

Tingkat 9, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

- Tel: 603 8891 8000
- E-mel: enquiries@tourism.gov.my
- Talian Info Pelancongan: 1 300 88 5050 (dalam Malaysia sahaja)

 www.malaysia.travel

 twitter.malaysia.travel

 youtube.malaysia.travel

 facebook.malaysia.travel

 instagram.malaysia.travel

 blog.malaysia.travel